



PEJABAT MAJLIS DAERAH MERSING
NO.1, JALAN TUN DR ISMAIL
86800 MERSING, JOHOR.

CARA-CARA MEMOHON :

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang asal MDM yang boleh dicetak daripada portal rasmi MDM <http://www.mdmersing.gov.my>.
2. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut :-
 - 2.1 Kad Pengenalan diri;
 - 2.2 Sijil Kelahiran;
 - 2.3 Sijil-Sijil Persekolahan ;
 - 2.4 Kelulusan akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
 - 2.5 Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika Diploma/Ijazah sebenar masih belum diterima) ;
 - 2.6 Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport ;
 - 2.7 Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada).

3. PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- 3.1 Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat **melalui KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini sepetimana mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- 3.2 Bagi kelayakan Sijil/Diploma/Ijazah perlu dilampirkan pengiktirafan kelayakan di jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Laman Web Interaktif : <https://app.mohe.gov.my/iktiraf> dan lampirkan bersama borang permohonan.
- 3.3 Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan kemas dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- 3.4 Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti dalam iklan akan **DITOLAK** serta merta.
- 3.5 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja dipanggil untuk temuduga.
- 3.6 Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- 3.7 Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.

4. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH MERSING,
NO. 1 JALAN TUN DR ISMAIL ,
86800 MERSING,JOHOR .
(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : Sebelum atau pada **13 OGOS 2019.**

PERINGATAN:

SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH
PEGAWAI KERAJAAN DARI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
ATAU PENGHULU MUKIM BERKENAAN.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(NORAZMI BIN AMIR HAMZAH)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Mersing

NHA/njh/iklan jawatan baru 2019



**MAJLIS DAERAH MERSING
NO.1, JALAN TUN DR ISMAIL
86800 MERSING, JOHOR.**

Permohonan yang berkelayakan adalah dipelawa dan keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan:

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU AWAM <i>(Bil.Kekosongan : 1)</i>
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	:	H11

JADUAL GAJI

<u>GRED</u>	<u>JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</u>
H11	: RM1,218.00 - RM2,939.00

- SYARAT KELAYAKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00); atau

(Syarat Tambahan: Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

(Gaji Permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,264.15); atau

- SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah;

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN
berdasarkan**

8. Pegerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan prestasi perkhidmatan.



**MAJLIS DAERAH MERSING
NO.1, JALAN TUN DR ISMAIL
86800 MERSING, JOHOR.**

Permohonan yang berkelayakan adalah dipelawa dan keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan:

SKIM PERKHIDMATAN	:	PENGAWAL KESELAMATAN <i>(Bilangan Kekosongan : 1)</i>
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	:	KP11

JADUAL GAJI

<u>GRED</u>	<u>JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</u>
H11	: RM1,205.00 - RM2,939.00

- SYARAT KELAYAKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00);
atau

- bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP11 : RM1,205.00);
atau

- dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antar julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di peranggan 1(c)(i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**
Melantik